

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 31

### Pelabur tumpu keputusan OPR

FBM KLCI  
dijangka naik  
dalam jajaran  
1,375-1,390 mata

#### Ulasan Pasaran

Bursa Malaysia diunjur dinagakan berhati-hati minggu ini apabila pelabur dijangka mempuaskan kepada keputusan Kadar Dasar Semalam (OPR) Bank Negara Malaysia (BNM) semasa mesyuarat keempat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang dijadualkan pada 5 dan 6 Julai.

Penganalisis kanan Malaca Securities Sdn Bhd, Kenneth Leong, berkata selepas kenaikan mengejut pada awal Mei, beliau menjangkakan bank pusat me-ngekalikan kadar pada mesyuarat MPC akan datang.

"Pada peringkat global, kami menjangkakan pengumuman keputusan korporat akan datang Amerika Syarikat (AS) menjadi tumpuan utama," katanya.

"Beliau mengunjurkan indeks petunjuk pasaran bergerak antara parsa 1,370 hingga 1,400 pada minggu ini."

Sementara itu, Naib Presiden Penyelidikan Ekuiti Rakuten Trade Sdn Bhd, Thong Pak Leng menjangkakan sentimen pelabur kekal berhati-hati dalam tempoh terdekat dan melihat peningka-

tan ketidaktentuan luaran sebagai halangan utama, manakala pada masa sama berdepan tekanan jualan oleh dana asing.

"Namun, penilaian indeks petunjuk pasaran kekal menarik dengan nisbah harga pendapatan (PER) hadapan di bawah 13 kali berbanding purata lima tahun sebelumnya 17 kali.

"Justeru, kami menjangkakan FBM KLCI dirinagakan tidak berubah dengan meningkat sedikit dalam jajaran 1,375 hingga 1,390 pada minggu ini dengan parsa ketahanan pada 1,400 dan parsa sokongan pada 1,373," katanya.

Bagi asas Jumaat ke Jumat, FBM KLCI berkurangan 14.21 mata untuk ditutup kepada 1,376.68 berbanding parsa

1,390.89 pada minggu sebelumnya.

**Indeks FBM Emas turun**  
Di papan indeks, Indeks FBM Emas turun 90.84 mata kepada 10,141.34. Indeks FBMT susut 89.72 mata kepada 9,844.00. Indeks FBM Emas Shariah jatuh 100.88 mata kepada 10,414.87 dan Indeks FBM 70 berkurangan 71.61 mata kepada 13,384.58. Namun, Indeks FBM ACE meningkat 25.19 mata kepada 5,068.02.

Mengikut sektor, Indeks Perkhidmatan Kewangan turun 111.98 mata kepada 15,332.87, Indeks Perladangan susut 19.79 mata kepada 6,698.65, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian jatuh 1.95 mata kepada 156.92 dan Indeks Tenaga berku-

rangan 10.99 mata kepada 774.09. Jumlah dagangan mingguan turun kepada 10.63 billion unit bernilai RM6.44 billion daripada 15.54 billion unit bernilai RM8.25 billion pada minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan Pasaran Utama berkurangan kepada 7.57 billion saham bernilai RM5.49 billion berbanding 9.09 billion saham bernilai RM7.06 billion.

Jumlah dagangan waran turun kepada 868.29 juta unit bernilai RM147.26 juta berbanding 1.47 billion unit bernilai RM194.74 juta.

Jumlah dagangan Pasaran AC susut kepada 2.15 billion saham bernilai RM809.51 juta daripada 4.97 billion saham bernilai RM989.19 juta sebelumnya.

BERNAMA

# Pelabur tumpu keputusan OPR